Isi Utama Ucapan Kassim Ahmad Yang pada 16 Februari, 2014 Di Dewan Yayasan Kepimpinan Perdana, Putrajaya

1. Mengkaitkan ijtihad para ulamak dalam menguruskan negara konsep Teokrasi (kasta paderi).
2. Mendakwa umat Islam tidak mengikut ajaran Nabi Muhammad sebaliknya mengikut ajaran para ulamak yang dilabelkan sebagai kasta paderi
   - mendakwa tidak berlaku kasta paderi pada zaman Rasulullah serta zaman para sahabat sebaliknya berlaku setelah 300 tahun selepasnya
   - mendakwa bahawa umat Islam menganggap para ulamak adalah maksum. Mendakwa bahawa umat Islam dari aliran Ahli Sunnah mendewa-dewakan para imam yang empat
3. Mendakwa bahawa umat Islam mendewa-dewakan Nabi Muhammad. Dia mendakwa bahawa buktinya adalah:
   - umat Islam menjadikan syahadah kedua sebagai syahadah
   - kalimah Nabi Muhammad dan Allah digantung di rumah secara sama besar dan sama paras
   - umat Islam menyebut Sallallahu Alaihi Wasallam ketika nama nabi Muhammad disebut sedangkan hanya menyebut Alaihissalam apabila nama nabi lain disebut

4. Mendakwa bahawa maksud kalimah salla yusalli adalah bermaksud restu, bantu dan sokong, bukannya maksud berselawat yang difahami oleh orang ramai
5. Mendakwa bahawa kalimah aurat bermaksud: ‘kebogelan’.
6. Mendakwa bahawa rambut wanita bukan aurat dan tindakan menutup rambut dengan tudung akan menyebabkan rambut busuk dan tidak sihat
7. Mendakwa bahawa setiap generasi kena meneliti semula pendirian generasi terdahulu iaitu hanya menerima apa yang benar dan menolak apa yang salah
8. Buku ‘hadith satu penelitian semua’ adalah ditulis atas dasar penelitian semula namun masyarakat Malaysia menolaknya atas dasar pendewaan kepada para ulamak

9. Menolak hadith.
   - Mendakwa bahawa imam Shafie adalah orang yang mula-mula mewajibkan hadith sebagai sumber undang-undang sama seperti al-Quran.
   - Mendakwa bahawa hadith tidak wajib diikuti sebelum kedatangan imam al-Shafi'e
   - Mendakwa bahawa para Khulafa yang empat hanya mengikut hadith nabi apabila sesuai sahaja
   - Kemunculan para ulamak yang mengumpulkan hadith hanya berlaku selepas doktrin Imam al-Shafie tersebut muncul
   - menolak peranan hadith dalam menafsirkan al-Quran
10. Mendakwa bahawa pengklausaan Islam sebagai agama persekutuan Malaysia dan agama rasmi adalah bercanggah dengan al-Quran dan piagam madinah
    - berhujah bahawa setiap orang berhak untuk menganuti agama yang diinginkannya. Maka setiap penganut agama menguruskan agamanya secara autonomi
11. Mendakwa bahawa ajaran nabi Muhammad dan al-Quran menggabungkan sistem agama dan sistem secular secara harmonis
12. Ucapannya seakan-akan menolak kebangkitan Nabi Isa dan Imam Mahdi